

C Selesaikan masalah-masalah yang berikut. SP 7.4.1 **IF5 IF6**

1. Afiq membelanjakan RM180 untuk membeli sepasang kasut dan 3 pasang selipar yang sama. Harga sepasang selipar ialah RM30. Hitung nisbah harga sepasang kasut kepada sepasang selipar.

Jawapan: _____

2. Rajah di sebelah menunjukkan jisim makanan yang dibeli oleh Encik Muthu.

Hitung nisbah jisim tembikai kepada jumlah jisim tomato dan ayam yang dibeli oleh Encik Muthu.



Jawapan: _____

3. Luas sebuah segi tiga sama kaki ialah 27 cm^2 . Tingginya ialah 9 cm. Berapakah nisbah tapak kepada tinggi segi tiga sama kaki itu?

Jawapan: _____

D Selesaikan masalah-masalah yang berikut. **SP 7.4.1 1.5 1.6**

1. Jumlah wang Hua Wen dan Linda ialah RM125. Wang Hua Wen adalah RM15 lebih daripada wang Linda. Hitung nisbah wang Linda kepada wang Hua Wen.

Jawapan: _____

2. Jadual di bawah menunjukkan jisim tepung ubi, beras dan jagung dibeli oleh Umairah. Jisim tepung jagung tidak ditunjukkan.

Tepung	Ubi	Beras	Jagung
Jisim	450 g	1.5 kg	

Nisbah jisim tepung ubi kepada jumlah jisim tepung ialah 2 : 15. Hitung jisim tepung jagung, dalam g, yang dibeli oleh Umairah.

Jawapan: _____

3. Megat membeli 45 cucuk sate. 18 cucuk sate itu adalah ayam dan selebihnya adalah daging. Jika 4 cucuk sate ayam dan 20 cucuk sate daging itu telah dimakan oleh Megat, berapakah nisbah bilangan sate ayam kepada sate daging yang belum dimakan?

Jawapan: _____